



SIARAN MEDIA

KPWKM FOKUS 9 KERANGKA KEBERHASILAN UTAMA BAGI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN 2024

KUALA LUMPUR, 15 JANUARI – Mendepani cabaran tahun 2024, KPWKM terus fokus dalam meningkatkan mutu serta momentum kecemerlangan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat. Dengan *tagline* **K.A.S.I.H – iaitu Kasih Sayang, Akhlak, Sihat dan Selamat, Ilmu dan Harmoni**, KPWKM menerajui peranan membangunkan wanita, keluarga dan masyarakat melalui pelbagai inisiatif dan program yang akan dilaksanakan sepanjang tahun ini.

Bertunjangkan kepada sembilan (9) kerangka keberhasilan utama antara yang diberi fokus adalah **mempertingkatkan inisiatif industri penjagaan** dengan memperkasa kompetensi penjaga melalui program-program latihan dalam usaha melahirkan lebih ramai penjaga yang berkemahiran selain membangunkan Modul Kursus Asuhan dan Jagaan OKU yang lebih berfokus bagi menyokong perkembangan potensi OKU secara menyeluruh. Program Penjagaan Kesihatan Ibu Lepas Bersalin MamaCare akan dimantapkan dan Kempen Advokasi Kesedaran Penjagaan dipergiatkan.

Pengoperasian Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK) terus diperkasakan ke fasa seterusnya dengan pengambilan pegawai-pegawai yang akan menggerakkan operasi Jabatan ini ke tahap optimum dan meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti dalam memastikan perkhidmatan menyeluruh dan profesional dapat diberikan demi kesejahteraan kanak-kanak di negara ini. Selain itu, pindaan akta dan dasar berkaitan kanak-kanak akan dilaksanakan bagi memantapkan lagi peranan JPKK.

Turut dilancarkan pada hari ini, ialah **Modul Intervensi Bengkel Interaktif (MIBI 2.0)** merupakan modul intervensi psikologi dan kaunseling bagi kes kanak-kanak di bawah perintah Bengkel Interaktif, Akta Kanak-Kanak 2001, merangkumi empat (4) konstruk utama iaitu Pelan Intervensi Psikologi Kaunseling, Psikopendidikan (Retreat Keluarga), Penaksiran Psikologi dan Konsultasi Keibubapaan. Modul versi pertama pada tahun 2010 dibangunkan atas keperluan Akta Kanak-Kanak 2001 yang melibatkan Seksyen 30(8)(a) dan Seksyen 93(1)(b). Pelaksanaan modul versi baharu ini akan menambah impak positif dalam perkembangan, pemulihan dan pembangunan sendiri kanak-kanak serta keluarga.

Tribunal Antigangguan Seksual (TAGS) akan beroperasi sepenuhnya pada tahun ini dengan kerja-kerja berkaitan giat dilaksanakan antaranya penguatkuasaan peraturan-peraturan antigangguan seksual, penguatkuasaan sepenuhnya Akta Antigangguan Seksual

2022 (Akta 840), pelantikan Ahli Tribunal Antigangguan Seksual dan pengoperasian pejabat Tribunal di Menara Aras Raya, Kuala Lumpur.

Usaha **Memperkasa Wanita dan Mengurus Perdana Gender** melalui pelbagai program advokasi pemerksaan komuniti, sokongan sosial, penjanaan pendapatan serta pewujudan persekitaran kondusif bagi menyokong usaha Kerajaan untuk mencapai 60% penyertaan tenaga buruh wanita dan toleransi sifar keganasan terhadap wanita (ASSERT) juga diberikan fokus.

Selaras dengan hasrat **Memperkukuh Institusi Kekeluargaan** – program **Kembara KASIH KPWK** akan dilaksanakan bagi memperluaskan capaian program-program dan inisiatif kementerian ke seluruh negara. Selain itu, pelbagai program advokasi akan dilaksanakan antaranya KASIH: Keluarga Harmoni, Negara MADANI, Peluasan Projek Anjung Sinar serta pengoperasian Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Transit di Kuala Lumpur dan Rantau Panjang, Kelantan.

Kementerian turut memberikan komitmen untuk melancarkan **Dasar Sosial Negara 2024-2030** pada suku pertama tahun ini. Dasar ini yang menjajarkan 44 dasar berkaitan instrumen sosial di 19 kementerian berportfolio sosial dalam Kerajaan MADANI akan menjadi satu dasar payung yang memfokuskan pembangunan manusia dan sistem sosial untuk mencapai sebuah masyarakat yang berdaya tahan, progresif, bertanggungjawab, prihatin, beretika dan mempunyai jati diri yang utuh.

Kerangka lain yang turut diberi fokus adalah **Mendaya Upaya Orang Kurang Upaya dan Warga Emas, Memperkasa Praktis Kerja Sosial, Menambah Baik Perundangan, Akta dan Dasar serta Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan**.

Mengorak langkah ke arah pendigitalan, pembangunan sistem serta aplikasi sedia ada akan dinaik taraf selari dengan keperluan teknologi semasa antaranya Sistem Talian Kasih 15999, Sistem Pendaftaran dan Pemetaan Warga Emas (eWE) dan Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak (eDKK).

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyampaikan Amanat KPWK di Perhimpunan Bulanan yang berlangsung di Dewan Perdana Nur, KPWK. Majlis turut dihadiri oleh YB Datuk Sri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri KPWK, YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWK, Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha, Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi serta pegawai-pegawai kanan dan warga kementerian.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
15 JANUARI 2024**